

HATTA AL-MUKMIN


Seiring & Sejalan

2595
AT

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
WYSA SANG
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



SEIRING & SEJALAN

PUSTAKA PERDANA



1008273

MUKMININ PUBLISHER
KUALA LUMPUR
MAC 2009



SEIRING & SEJALAN

“Segala kata-kata di bawah gambar yang diterbitkan di dalam buku ini adalah rekaan semata-mata; tidak ada niat untuk menyinggung mana-mana pihak dan diharapkan tiada pihak yang berkecil hati”

SEIRING & SEJALAN

*Diterbitkan oleh:
Mukminin Publications
P.O. Box 10426
50712 Kuala Lumpur
E-mail: abadi@catcha.com*

*Hatta Al-Mukmin 2008/2009
ISBN 978-983-44507-0-0*

Semua hak cipta tidak terpelihara. Sebarang bahagian atau gambar dalam buku ini boleh diterbitkan semula ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara samada dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakam, e-mail dengan tanpa izin bertulis daripada Mukminin Publication dan Abadi Publication House.

*Atur Huruf Oleh:
Zaid Alip Resources
Kuala Lumpur
E-mail: zaidmdalip@yahoo.com*

*Dicetak Oleh:
Abadi Publishing House
P.O. Box 10426
50712 Kuala Lumpur*

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
<i>Kata Pengantar</i>	6
<i>Mukadimah</i>	10
<i>Gambar-gambar YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam bersama Orang-orang Kenamaan</i>	15 - 62
<i>1 Ciri-ciri Seorang Pemimpin</i>	63
<i>2 Melayu Mesti Bangkit Bersatu Demi Bangsanya</i>	70
<i>3 Mohd Ali Ikhlas Tarik Balik Larangan Lawat Kelantan</i>	73
<i>4 Saranan Pendidikan Berteras Semangat Kebangsaan Perlu Dilihat Secara Positif</i>	74
<i>5 28 Pesawat Nuri Masih Boleh Digunakan</i>	76
<i>6 Tekun Terima Peruntukan RM65.8 Juta</i>	78
<i>7 Jangan Suka Aibkan Orang Yang Sudah Pergi</i>	80
<i>8 Kerjasama Penduduk Mantapkan Taman Kuala Permai</i>	82
<i>9 LKIM Digesa Bina Semula Balai Nelayan</i>	84
<i>10 Kerajaan Sentiasa Beri Perhatian Kebajikan Kaum India</i>	86
<i>11 Karnival D Moncheh Dedah Pelbagai Maklumat</i>	88
<i>12 Perlembagaan Baru KOAM Digunapakai Tahun Depan</i>	90

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
<i>13 ASB Agih Pendapatan.....</i>	92
<i>14 Aduan Rasuah Palsu Wajar Dikena Tindakan</i>	94
<i>15 Ahli Parlimen Dakwa PKR Amal Rasuah</i>	97
<i>16 Hakim Langgar Kod Etika Boleh dikena Tindakan</i>	98
<i>17 Pemantauan Projek Cerun Kena Tegas & Berterusan</i>	101
<i>18 Ahmad Fuad Sedia Temui Wakil PR</i>	107
<i>19 Pilihan Penulis - Jawatan Tim. Presiden</i>	110
<i>20 Ketua Wanita GERAKAN Digesa Berundur</i>	118
<i>21 Shah Rukh Khan Dapat Datuk Melaka</i>	121
<i>22 Zahid Hamidi Gesa Diwajibkan Kursus Praperkahwinan Para Pasangan</i>	126
<i>23 Khairy Jamaluddin Dapat Cahaya Mata</i>	128
<i>24 Awang Adek Idam Kelantan Makmur</i>	129
<i>25 Kenyataan Ramasamy Mampu Cetus Perbalahan Kaum</i>	135
<i>26 Rafidah Mahu Apa Lagi?</i>	137
<i>28 Perwakilan2 UMNO 24April 2009</i>	149 - 205
<i>29 Kata-kata Penutup</i>	230
<i>30 Penghargaan</i>	231

KATA PENGHANTAR

Pernah Saidina Ali Abi Talib R.A ditanya kenapa semasa pemerintahannya terlalu banyak pertikaian dan perbalahan berbanding semasa zaman Rasullullah S.A.W. Kata Ali, semasa zaman Rasullullah S.A.W ada sahabat yang hebat seperti Abu Bakar, Umar, dan Uthman tetapi di zaman aku, ada orang seperti engkau. Langsung terdiam dan beredar orang tersebut.

Di zaman kita pula, Al Marhum YTM Tunku Abdul Rahman menjadi *'the happiest prime minister in the world'* kerana Al Marhum mempunyai seorang timbalan yang sangat 'loyal' iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Hussein. Begitu juga ketika Allahyarham Tun menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua, gandingannya bersama Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman ibarat isi dengan kuku, bagai lagu dan irama, begitu mantap dan dinamik. Namun takdir Allah S.W.T mengatasi segala-galanya, kita hanya merancang tuhan saja yang menentukanNya. Tidak dapat kita gambarkan betapa kiranya kedua-dua negarawan tersebut masih hidup mengurus dan mentadbir tanah air yang tercinta ini.

Masa terus berlalu. Semalam sudah menjadi sejarah. Esok belum tahu lagi. Jika umur panjang, Alhamdulillah. Apa yang penting, saat dan ketika ini. Jangan kita sia-siakan. Rugilah kita jika hari ini lebih teruk dari semalam. Insafilah. Masa tidak pernah menunggu kita. Negara sudah merdeka 52 tahun. Kita sekarang dalam fasa kedua kearah 100 tahun merdeka.

48 tahun bukan lama sangat. Semasa 5 dekad yang lalu, banyak peristiwa yang kita lalui. Lazimnya kisah-kisah lama akan dilupai kerana dibayangi peristiwa-peristiwa baru yang sentiasa silih berganti. Tetapi ada juga yang meninggalkan kesan yang mendalam dan terpahat dalam setiap ingatan dan sanubari.

Pilihanraya umum ke 12 pada 8 Mac 2008 ibarat tsunami yang melanda Aceh 26 Disember 2004 yang lalu. 'Trauma' keputusan pilihan tersebut masih dirasai hingga ke hari ini. Bahang politik dalam negara sentiasa hangat hari demi hari. Keadaan bertambah buruk ekoran krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia. Kesannya dirasai oleh semua terutama rakyat yang berpendapatan rendah dan para peniaga samada kecil atau besar. Ramai yang dibuang kerja. Ramai yang menganggur. Tetapi orang politik rasanya tidak ambil peduli. Mereka penting undi dan kerusi. Naik lemas bila membaca gelagat mereka dalam akhbar-akhbar, samada dalam Parlimen, dalam Dewan Undangan Negeri atau dimana saja. Rakyat jadi binggung dan kecewa. Sepatutnya ahli politik semua bersatu bersama rakyat jelata memikirkan kaedah terbaik mengatasi masalah krisis ekonomi global yang melanda. Ketepikan dulu ideologi, fahaman dan kepentingan. Utamakan rakyat kerana kita semua adalah wakil rakyat, wakil cawangan, wakil bahagian.

Kita seharusnya seiring sejalan bersama rakyat untuk memaju dan memakmurkan negara ini. Inilah sebenarnya wawasan yang perlu ada pada setiap pemimpin yang bergelar wakil rakyat. Bukan semua orang boleh jadi pemimpin. Cermin dulu diri. Jika cukup ilmu luar dan dalam, jika sanggup berkorban dan ketepikan kepentingan diri, tiada siapa yang larang. Kepada Allah SWT kita berserah, memohon petunjuk dan keredaan. Rakyat akan sokong dan memberi restu kerana yang akan dipilih itu benar-benar layak baik pengalamannya, moral serta akhlakunya.

Suka atau tidak, setuju atau tidak, negara akan



menerima kepemimpinan baru. Kerana sinonimnya UMNO dengan pucuk pimpinan negara, maka pemilihan semasa Perhimpunan Agung UMNO akan memberi impak kepada struktur pemerintahan, dasar serta hala tuju negara selepas pemilihan tersebut. Maka perwakilan seramai hampir 2,500 orang pada hari itu mempunyai amanah serta tanggungjawab yang sangat besar dalam membuat keputusan kerana hasil dari pemilihan yang dilakukan akan memberi kesan kepada rakyat dan negara.

Pada tahun 1970, perutusan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam buku 'Revolusi Mental' menyatakan betapa pentingnya pemikiran cerdas untuk pembangunan masyarakat Melayu yang kuat lagi bermoral mencapai tahap insan kamil. Manakala tahun 2007 yang lalu, YAB Dato' Sri Najib pula menyatakan antara teras kearah mengangkasakan tamadun bangsa adalah melahirkan bangsa global yang berminda kelas pertama sebagai peneraju dengan mementingkan ilmu dan pendidikan sebagai landasan pembinaan, agama dan budaya sebagai asas peradaban, ekonomi sebagai kekuatan dan kestabilan politik sebagai prasyarat terhadap semua misi yang digariskan. Kesimpulannya kedua-dua pemimpin melihat betapa pentingnya pembangunan intelektual (IQ), pembangunan emosi (EQ) dan pembangunan rohani - spiritual (SQ) kearah memperkasakan tamadun bangsa.

'Behind every successful man, there is a successful wife'. Itu dalam rumahtangga. Dalam sukan misalnya, Razif - Jalaini Sidek, Soh Chin Aun - Santokh Singh, Mokhtar Dahari - Isa Bakar, Hasan Sani - James Wong. Begitu juga dalam pemerintahan dan politik, gandingan atau regu yang serasi sangat penting. Jika tidak, seorang ke utara, seorang ke selatan. Setiap penggal asyik bertukar 'partner', bila hendak selesai kerja. Sebaiknya antara nombor 1 dan 2, 'compliment each other'. Fungsi nombor 2 mesti sentiasa 'support' ketua. Jangan banyak cakap. Jangan lebih-lebih. Buat saja kerja. Nombor 1